



LAPORAN TAHUNAN 1982-83

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

LAPORAN NAIB CANSOLOR

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

LAPURAN TAHUNAN 1982-83

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| Laporan Naib Canselor | 1 |
| Fakulti Pertanian | 19 |
| Fakulti Perhutanan | 39 |
| Fakulti Kedokteran Veterinar Dan Sains Peternakan | 42 |
| Fakulti Ekonomi Sumber Dan Perniagaantani | 53 |
| Fakulti Pengajian Pendidikan | 59 |
| Fakulti Kejuruteraan Pertanian | 74 |
| Fakulti Sains Dan Pengajian Alam Sekitar | 77 |
| Fakulti Perikanan Dan Sains Samudra | 95 |
| Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan | 101 |
| Pusat Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan | 107 |
| Kampus Cawangan Sarawak | 124 |
| Ladang | 129 |
| Perpustakaan | 139 |
| Pusat Komputer | 148 |


DR. IDRIS ABDOL
Pengarah Ladang
Universiti Pertanian Malaysia

173/83

73

LAPORAN NAIB CANSOLOR

NAIB CANSOLOR

Profesor Dr. Nayan bin Ariffin, JSM, Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S. (Louisiana State), Ph. D. (Wis.).

PENDAHULUAN

Aktiviti Pengajaran di Universiti Pertanian Malaysia genap satu dekad pada tahun 1983. Walaupun usianya meningkat 12 tahun pada tahun ini, namun pengajaran hanya bermula pada tahun 1973 dengan pengambilan pertama mahasiswa ke Program Bachelior. Sempena dengan peristiwa ini, Universiti Pertanian Malaysia mengadakan satu majlis pelancaran program Dekad Pertama Pengajaran pada 12hb. Mac 1983 oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor. Berbagai aktiviti berbentuk seminar dan persidangan diadakan sepanjang tahun sebagai merayakan Dekad Pertama ini.

Perkembangan akademik dan fizikal terus berjalan dalam sesi ini untuk memenuhi keperluan pelajar. Dekan Pengajian Siswazah telah dilantik untuk mengendalikan Unit Pengajian Siswazah. Unit ini ditubuhkan untuk menyelaraskan kemasukan para pelajar di peringkat Pengajian Siswazah di samping melantik para penyelia, pemeriksa dalam dan penilai luar berdasarkan cadangan pihak Fakulti. Dari segi Fizikal, Kolej Kediaman ketujuh, Fakulti Perikanan dan Sains Samudra dan Kompleks Ladang siap dibina dan digunakan.

MAJLIS

Mesyuarat. Sepanjang tahun akademik 1982-83, Majlis telah bersidang sebanyak tujuh kali untuk mesyuarat biasa (Mesyuarat Ke-42 hingga ke-48) yang kesemuanya diadakan di Kampus Serdang.

Perubahan Keahlian. Beberapa orang ahli telah tamat tempoh lantikan mereka masing-masing dan telah dilantik semula atau digantikan oleh ahli-ahli yang baru. Ahli-ahli baru yang telah dilantik ialah Encik Safri Awang bin Haji Zaidell, Profesor Dr. Mohd. Zain bin Haji Abdul Karim dan Profesor Dr. Atan bin Long. Ahli-ahli Majlis yang berikut telah dilantik semula: Y.M. Raja Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali, Y.B. Tan Sri Gan Teck Yeow, Y.B. Dato' Haji Basir Bin Ismail, Y.B. Dato' Haji Wan Nik Bin Ismail, Y.B. Dato' Dr. Haji Mohd. Noordin bin Haji Keling, dan Y.B. Dato' Haji Maarof bin Sheikh Ahmad. Kesemua perantikan ini adalah untuk tempoh tiga tahun sehingga 31 Disember 1985.

Penghargaan. Majlis merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Dr. Ariffin bin Haji Suhaimi dan Profesor Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim atas segala sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh mereka sebagai ahli Majlis.

SENAT

Sepanjang sesi 1982-83 Senat bersidang untuk 13 mesyuarat biasa dan 6 mesyuarat khas. Di antara perkara-perkara penting yang dipertimbangkan ialah:

- (a) Cadangan menubuhkan program Bachelior Kejuruteraan (Awam) dan Bachelior Perakaunan.
- (b) Penubuhan Pusat Kemajuan Perusahaan Kecil di Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani secara konsep.
- (c) Pengujudan jawatan Dekan Pengajian Siswazah.
- (d) Penubuhan Statut Universiti Pertanian Malaysia (Senat) 1983.

Pemeriksa/Penilai Luar

Universiti telah melantik seramai 21 orang Pemeriksa/Penilai Luar bagi program-program bachelor seperti berikut:

| Bil. | Pemeriksa/Penilai Luar | Dari | Program |
|------|-----------------------------|---|--|
| 1. | *Prof. Charles W. Howes | The Rockefeller Foundation, Indonesia | Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) |
| 2. | *Prof. Steven Kerr | University of Southern California | Bachelor Sains (Perniagaantani) |
| 3. | *Prof. Ian Mc Intyre | Glasgow University | Doktor Perubatan Veterinar |
| 4. | *Prof. Ronal Francis Kelly | University of Liverpool | — sama — |
| 5. | *Prof. David Robertshaw | Colorado State University | — sama— |
| 6. | *YB Dato' Osman bin Din | Kementerian Pertanian | — sama — |
| 7. | Prof. William J. Chancellor | University of California | Bachelor Kejuruteraan |
| 8. | Prof. Merle L. Esmay | Michigan State University | — sama — |
| 9. | Ir. Abdul Rahman bin Yaakub | Perunding Bakti, Petaling Jaya | — sama — |
| 10. | Prof. John David Mc Cracken | Ohio State University | Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) |
| 11. | Prof. Clinton H. Strong | Indiana University | Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) |
| 12. | Prof. Philip Kio | University of Ibadan, Nigeria | Bachelor Sains (Perhutanan) |
| 13. | *Prof. Cyril Burdon-Jones | James Cook University of North Queensland, Australia | Bachelor Sains (Perikanan) |
| 14. | Prof. Ronald John Roberts | University of Sterling, U.K. | — sama — |
| 15. | Prof. F.D. Whisler | The International Rice Research Institute, Manila | Bac. Sains Pertanian (Bidang Sains Tanah) |
| 16. | Prof. Robert L. Bruce | Department of Education, Cornell University | Bachelor Sains (Bidang Pengembangan) |

| Bil. | Pemeriksa/Penilai Luar | Dari | Program |
|------|----------------------------|---------------------------------------|--|
| 17. | Prof. Aurora Garcia Corpuz | University of Philippines, Manila | Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) |
| 18. | *Prof. Cyril A. Hogarth | Brunel University, U.K. | Bachelor Sains (Kep.)/ Sains dengan Pendidikan (Kep.) (Bidang Fizik) |
| 19. | Prof. John. E. Smith | University of Strathclyde, England | Bac. Sains (Kep.)/ Sains dengan Pendidikan (Kep.) (Bidang Biokimia dan Mikrobiologi) |
| 20. | Prof. D. J. Dwyer | University of Keele, England | Bachelor Sains (Alam Sekitar) |
| 21. | Prof. Lun-Shin Wei | University of Illinois | Bachelor Sains dan Teknologi Makanan |

* Dilantik sebagai Pemeriksa dan Penilai Luar

KEMASUKAN DAN REKOD

(a) Program Pengajian

Pada sesi 1982-83 Universiti Pertanian Malaysia telah menawarkan beberapa program pengajian di peringkat Master dan Doktor Falsafah, satu program di peringkat Diploma Profesional, 19 program di peringkat Bachelor, 9 program di peringkat Diploma dan satu pro-

gram Pendahuluan. Di antara program-program itu ialah dua program baru di peringkat Bachelor iaitu Bachelor Sains Komputer dan Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua). Dua program baru di peringkat Diploma ialah Diploma Sains Komputer dan Diploma Perniagaantani. Senarai penuh program-program yang ditawarkan ialah seperti berikut:

| Pengajian Siswazah | Kampus |
|------------------------------------|---------|
| Master Sains | Serdang |
| Master Sains Pertanian | Serdang |
| Master Kejuruteraan (Pertanian) | Serdang |
| Master Sains Veterinar | Serdang |
| Master Sains dan Teknologi Makanan | Serdang |
| Doktor Falsafah | Serdang |
| Doktor Kejuruteraan (Pertanian) | Serdang |
| Doktor Sains Veterinar | Serdang |

Jangkamasa untuk pengajian siswazah adalah seperti berikut:

| | |
|-----------------------------|-----------------|
| Program Master penuh masa | 2 – 6 semester |
| Program Master separuh masa | 4 – 10 semester |
| Program Ph. D penuh masa | 4 – 10 semester |
| Program Ph. D separuh masa | 6 – 12 semester |

Program Diploma Profesional

Diploma Profesional Teknologi dan
Pengurusan Perladangan

| Jangkamasa | Kampus |
|------------|---------|
| 1½ tahun | Serdang |

Program Bachelor

Doktor Perubatan Veterinar
 Bachelor Sains Pertanian
 Bachelor Sains (Perhutanan)
 Bachelor Sains (Perniagaantani)
 Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)
 Bachelor Sains (Kepujian)
 Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian)
 Bachelor Sains (Alam Sekitar)
 Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)
 Bachelor Sains dan Teknologi Makanan
 Bachelor Sains (Pembangunan Manusia)
 Bachelor Sains (Perikanan)
 Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)
 Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)
 Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)
 Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)
 Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia
sebagai Bahasa Pertama)
 Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris
sebagai Bahasa Kedua)
 Bachelor Sains Komputer

| Jangkamasa | Kampus |
|-------------|---------|
| 10 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |
| 8 semester | Serdang |

Program Diploma

Diploma Pertanian
 Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan
 Diploma Sains dengan Pendidikan
 Diploma Perikanan
 Diploma Pembangunan Manusia
 Diploma Kejuruteraan Pertanian
 Diploma Perhutanan
 Diploma Sains Komputer
 Diploma Perniagaantani
 Program Pendahuluan
 (untuk calon-calon dari Sabah dan Sarawak sahaja)

| Jangkamasa | Kampus |
|------------|----------------------|
| 6 semester | Serdang & Sarawak |
| 7 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 6 semester | Serdang |
| 2 semester | Serdang |

JADUAL 1
TABURAN PENGAMBILAN PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA
BAGI TAHUN AKADEMIK 1982/83

| Program | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|--------------|------------|--------------|
| Diploma Pertanian (Serdang) | 357 | 67 | 424 |
| Diploma Pertanian (Sarawak) | 89 | 11 | 100 |
| Diploma Pembangunan Manusia | 23 | 33 | 56 |
| Diploma Kesihatan Haiwan & Peternakan | 43 | 9 | 52 |
| Diploma Perikanan | 47 | 3 | 50 |
| Diploma Perhutanan | 46 | 5 | 51 |
| Diploma Sains dengan Pendidikan | 173 | 169 | 342 |
| Diploma Kejuruteraan Pertanian | 66 | 17 | 83 |
| Pendahuluan | 39 | 8 | 47 |
| Jumlah Kecil | 883 | 322 | 1,205 |
| Doktor Perubatan Veterinar | 24 | 6 | 30 |
| Bachelor Sains Pertanian | 85 | 16 | 101 |
| Bachelor Sains (Perhutanan) | 25 | — | 25 |
| Bachelor Sains (Perniagaantani) | 106 | 44 | 150 |
| Bachelor Sains (Kepujian) | 17 | 4 | 21 |
| Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) | 39 | 59 | 98 |
| Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | 37 | 4 | 41 |
| Bachelor Sains dan Teknologi Makanan | 19 | 14 | 33 |
| Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | — | 28 | 28 |
| Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) | 19 | 11 | 30 |
| Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga) | — | 27 | 27 |
| Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) | 43 | 18 | 61 |
| Bachelor Sains (Alam Sekitar) | 27 | 7 | 34 |
| Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) | 32 | 8 | 40 |
| Bachelor Sains (Perikanan) | 38 | — | 38 |
| Bachelor Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) | 56 | 9 | 65 |
| Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama) | 62 | 15 | 77 |
| Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) | 35 | 21 | 56 |
| Jumlah Kecil | 664 | 291 | 955 |
| Master | 19 | 4 | 23 |
| Ph. D | 12 | 3 | 15 |
| Jumlah Kecil | 31 | 7 | 38 |
| Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan | 2 | — | 2 |
| Master | 19 | 4 | 23 |
| Ph. D | 12 | 3 | 15 |
| Jumlah Kecil | 31 | 7 | 38 |
| JUMLAH BESAR | 1,580 | 620 | 2,200 |

JADUAL 2

TABURAN PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER TAHUN AKADEMIK 1982 – 1983 (KAMPUS SERDANG)

| FAKULTI | PROGRAM | TAHUN | SEMESTER I | | | | | | SEMESTER II | | | | | |
|--|--|-------|------------|-----|-----|----|----|-----|-------------|-----|-----|----|----|-----|
| | | | I | II | III | IV | V | J | I | II | III | IV | V | J |
| Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | Bachelor Sains (Perniagaantani) | | 166 | 116 | 87 | 30 | — | 399 | 152 | 111 | 87 | 30 | — | 380 |
| | Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) | | 64 | 61 | 36 | 9 | — | 170 | 57 | 56 | 35 | 9 | — | 157 |
| | Diploma Perniagaantani | | — | — | — | — | — | — | 55 | — | — | — | — | 55 |
| | JUMLAH | | 230 | 177 | 123 | 39 | — | 569 | 264 | 167 | 122 | 39 | — | 592 |
| Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan | Doktor Perubatan Veterinar | | 27 | 26 | 28 | 19 | 18 | 118 | 27 | 19 | 26 | 19 | 18 | 109 |
| | Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan | | 52 | 28 | 15 | 12 | — | 107 | 50 | 26 | 15 | — | — | 91 |
| | JUMLAH | | 79 | 54 | 43 | 31 | 18 | 225 | 77 | 45 | 41 | 19 | 18 | 200 |
| Kejuruteraan Pertanian | Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | | 33 | 41 | 28 | 23 | — | 125 | 40 | 38 | 26 | 23 | — | 127 |
| | Diploma Kejuruteraan Pertanian | | 84 | 30 | 22 | — | — | 136 | 44 | 29 | 22 | — | — | 95 |
| | JUMLAH | | 117 | 71 | 50 | 23 | — | 261 | 84 | 67 | 48 | 23 | — | 222 |
| Perhutanan | Bachelor Sains (Perhutanan) | | 22 | 14 | 20 | 13 | — | 69 | 19 | 14 | 20 | 14 | — | 67 |
| | JUMLAH | | 22 | 14 | 20 | 13 | — | 69 | 19 | 14 | 20 | 14 | — | 67 |

| FAKULTI | PROGRAM \ TAHUN | SEMESTER I | | | | | | SEMESTER II | | | | | |
|----------------------------------|---|------------|-----|-----|-----|---|------|-------------|-----|-----|-----|---|------|
| | | I | II | III | IV | V | J | I | II | III | IV | V | J |
| Pengajian Pendidikan | Bachelor Pend. (Sains Pertanian) | 29 | 24 | 20 | 21 | — | 94 | 22 | 24 | 20 | 21 | — | 87 |
| | Bachelor Pend. (Tek. Rumahtangga) | 27 | 22 | 16 | 2 | — | 67 | 21 | 21 | 16 | 3 | — | 61 |
| | Bachelor Pend. (Pendidikan Jasmani) | 43 | 28 | 25 | 1 | — | 97 | 43 | 28 | 24 | — | — | 95 |
| | Bachelor Pend. (Peng. B. Malaysia sebagai Bahasa Pertama) | 78 | 37 | — | — | — | 115 | 79 | 37 | — | — | — | 116 |
| | Bachelor Pend. (Bimbingan & Kaunseling) | 66 | 42 | — | — | — | 108 | 66 | 42 | — | — | — | 108 |
| | Bachelor Pend. (Peng. B. Inggeris sebagai Bahasa Kedua) | 55 | — | — | — | — | 55 | 54 | — | — | — | — | 54 |
| | JUMLAH | 298 | 153 | 61 | 24 | — | 536 | 285 | 152 | 60 | 24 | — | 521 |
| Pertanian | Bachelor Sains Pertanian | 130 | 104 | 99 | 70 | — | 403 | 120 | 105 | 98 | 69 | — | 392 |
| | Bachelor Sains & Tek. Makanan | 29 | 27 | 31 | 23 | — | 110 | 32 | 23 | 30 | 23 | — | 108 |
| | Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | 29 | 20 | 16 | 8 | — | 73 | 26 | 19 | 15 | 8 | — | 68 |
| | Diploma Pertanian | 420 | 186 | 124 | — | — | 730 | 366 | 183 | 124 | — | — | 673 |
| | Diploma Pembangunan Manusia | 56 | 29 | 20 | — | — | 105 | 55 | 29 | 20 | — | — | 104 |
| | JUMLAH | 664 | 366 | 290 | 101 | — | 1421 | 599 | 359 | 287 | 100 | — | 1345 |
| Sains dan Pengajian Alam Sekitar | Bachelor Sains (Kepujian) | 23 | 23 | 6 | 3 | — | 55 | 17 | 22 | 3 | 2 | — | 44 |
| | Bachelor Sains & Pendidikan (Kep) | 120 | 97 | 80 | 51 | — | 348 | 100 | 91 | 76 | 51 | — | 318 |
| | Bachelor Sains (Alam Sekitar) | 37 | 15 | 19 | 14 | — | 85 | 27 | 15 | 19 | 14 | — | 75 |

| FAKULTI | PROGRAM \ TAHUN | SEMESTER I | | | | | | SEMESTER II | | | | | | |
|-----------|---------------------------------|------------|------------|------------|-----------|----------|-------------|-------------|------------|------------|-----------|----------|-------------|----|
| | | I | II | III | IV | V | J | I | II | III | IV | V | J | |
| | Bachelor Sains Komputer | - | - | - | - | - | - | 19 | - | - | - | - | - | 19 |
| | Diploma Sains dengan Pendidikan | 348 | 265 | 168 | - | - | 781 | 329 | 243 | 168 | 2 | - | 742 | |
| | Diploma Sains Komputer | - | - | - | - | - | - | 39 | - | - | - | - | 39 | |
| | JUMLAH | 528 | 400 | 273 | 68 | - | 1269 | 531 | 371 | 266 | 69 | - | 1237 | |
| Perikanan | Bachelor Sains (Perikanan) | 39 | 24 | 17 | 25 | - | 105 | 41 | 20 | 17 | 25 | - | 103 | |
| | Diploma Perikanan | 51 | 22 | 18 | - | - | 91 | 49 | 21 | 18 | - | - | 88 | |
| | JUMLAH | 90 | 46 | 35 | 25 | - | 196 | 90 | 41 | 35 | 25 | - | 191 | |
| | JUMLAH BESAR | 508 | 423 | 271 | 93 | - | 4546 | 582 | 423 | 266 | 94 | - | 4375 | |

JADUAL 3

TABURAN PELAJAR-PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER BAGI
TAHUN AKADEMIK 1982-83 (CAWANGAN SARAWAK)

| TAHUN PROGRAM | SEMESTER I | | | | SEMESTER II | | | |
|--------------------|------------|-----|-----|-----|-------------|-----|-----|-----|
| | I | II | III | J | I | II | III | J |
| Diploma Pertanian | 100 | 118 | 93 | 311 | 78 | 113 | 85 | 276 |
| Diploma Perhutanan | 51 | 35 | 18 | 104 | 49 | 35 | 18 | 102 |
| Pendahuluan | 47 | — | — | 47 | 46 | — | — | 46 |
| JUMLAH | 198 | 153 | 111 | 462 | 173 | 148 | 103 | 424 |

JADUAL 4

TABURAN PELAJAR-PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH MENGIKUT FAKULTI DAN
SEMESTER BAGI TAHUN AKADEMIK 1982-83

| FAKULTI/PUSAT | SEMESTER I | | | | SEMESTER II | | | |
|---|------------|--------|------|-----|-------------|--------|------|-----|
| | Dip. Prof. | Master | Ph.D | J | Dip. Prof. | Master | Ph.D | J |
| Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | — | 15 | 1 | 16 | — | 15 | 1 | 16 |
| Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan | — | 15 | 14 | 29 | — | 15 | 14 | 29 |
| Pengajian Pendidikan | — | 18 | 3 | 21 | — | 18 | 3 | 21 |
| Pertanian | 1 | 11 | 11 | 22 | 1 | 11 | 11 | 22 |
| Sains dan Pengajian Alam Sekitar | — | — | 1 | 1 | — | — | 1 | 1 |
| Perikanan dan Sains Samudra | — | 4 | 2 | 6 | — | 4 | 2 | 6 |
| Sains & Teknologi Makanan | — | 2 | 2 | 4 | — | 2 | 2 | 4 |
| Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan | — | 6 | 2 | 8 | — | 6 | 2 | 8 |
| JUMLAH | 1 | 71 | 36 | 107 | 1 | 71 | 36 | 107 |

JADUAL V
TABURAN SISWAZAH MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA BAGI TAHUN
AKADEMIK 1982-83

| Program | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|--|------------|------------|------------|
| Diploma Pertanian | 191 | 10 | 201 |
| Diploma Pembangunan Manusia | — | 20 | 20 |
| Diploma Kesihatan Haiwan & Peternakan | 12 | — | 12 |
| Diploma Perikanan | 17 | — | 17 |
| Diploma Sains dengan Pendidikan | 77 | 80 | 157 |
| Diploma Perhutanan | 17 | 1 | 18 |
| Diploma Kejuruteraan Pertanian | 21 | 1 | 22 |
| Jumlah | 335 | 112 | 447 |
| Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) | 11 | 6 | 17 |
| Bachelor Sains (Perniagaantani) | 52 | 12 | 64 |
| Doktor Perubatan Veterinar | 15 | 4 | 19 |
| Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) | 23 | 1 | 24 |
| Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) | 18 | 6 | 24 |
| Bachelor Pendidikan (Tek. Rumahtangga) | — | 3 | 3 |
| Bachelor Sains (Perhutanan) | 14 | 1 | 15 |
| Bachelor Sains Pertanian | 79 | 9 | 88 |
| Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) | — | 17 | 17 |
| Bachelor Sains dan Teknologi Makanan | 15 | 6 | 21 |
| Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kep) | 24 | 28 | 52 |
| Bachelor Sains (Kep) | 7 | 8 | 15 |
| Bachelor Sains (Alam Sekitar) | 9 | 5 | 14 |
| Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) | 24 | 1 | 25 |
| Bachelor Sains (Perikanan) | 21 | 6 | 27 |
| Jumlah | 312 | 113 | 425 |
| Master Sains Pertanian | — | 2 | 2 |
| Master Sains | 6 | 1 | 7 |
| Ph. D | 2 | — | 2 |
| Diploma Profesional & Pengurusan Perladangan | 3 | — | 3 |
| Jumlah | 11 | 3 | 14 |
| JUMLAH BESAR | 658 | 228 | 886 |

(b) Pengambilan Pelajar

Bilangan pelajar baru yang diterima masuk bagi program-program tersebut di atas adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------|-------------|
| Pengajian Siswazah | 38 orang |
| Diploma Profesional | 2 orang |
| Program Bachelor | 955 orang |
| Program Diploma | 1,158 orang |
| Program Pendahuluan | 47 orang |

Jadual I menunjukkan taburan pengambilan pelajar baru bagi sesi 1982-83 mengikut program dan jantina.

(c) Pendaftaran Pelajar

Seramai 4,546 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada Semester I dan 4,375 orang pada Semester II untuk mengikuti berbagai program yang terdapat di Kampus Serdang dan Sarawak, (termasuk program pengajian siswazah dan program diploma profesional Jadual II, III dan IV menunjukkan taburan pendaftaran pelajar untuk semua program bagi kedua-dua semester sesi 1982-83 ini).

(d) Siswazah

Pada akhir sesi 1982-83 seramai 886 orang pelajar telah tamat pengajian mereka dengan jayanya dan akan dikurniakan ijazah atau diploma masing-masing. Pecahan bilangan siswazah ini adalah seperti berikut:

| | |
|--|-----------|
| Doktor Falsafah | 2 orang |
| Master | 9 orang |
| Bachelor | 425 orang |
| Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan | 3 orang |
| Diploma | 447 orang |

Jadual V menunjukkan taburan siswazah mengikut program dan jantina bagi sesi 1982-83.

PERJAWATAN

Kerajaan Malaysia telah meluluskan 353 jawatan tambahan bagi tahun 1983. Ini menjadi

kan jumlah kesemua jawatan di Universiti Pertanian Malaysia bagi tahun 1983 ialah sebanyak 4,627.

Pecahan jawatan tersebut ialah 1,203 jawatan Kumpulan C dan 2,351 jawatan bagi Kumpulan D. Akibat daripada arahan pembekuan pengisian jawatan tidak berjalan dengan lancar sebagaimana tahun yang sudah-sudah. Walau bagaimanapun memandangkan keperluan tenaga kerja yang sangat mendesak, Bahagian Perjawatan telah dapat sedikit sebanyak mengatasinya dengan cara melantik calon-calon ke jawatan-jawatan Sementara. Di samping itu pihak Universiti Pertanian Malaysia dapat juga mengisi jawatan Akademik dan Teknikal yang kurang setelah kebenaran diperolehi dari Kerajaan. Universiti Pertanian Malaysia telah melantik seramai 13 orang warganegara asing untuk berkhidmat sebagai Pengajar secara kontrak antara 2 hingga 3 tahun. Perlantikan dibuat berdasarkan kesukaran untuk mendapatkan Tenaga Pengajar yang berpengalaman luas dan mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu di kalangan rakyat Malaysia. Di samping itu juga Universiti ini melantik beberapa orang Penunjukajar/Pensyarah Sambilan bagi memenuhi keperluan pengajaran.

Sepanjang tahun 1982/83, seramai 79 orang pegawai dalam berbagai kategori telah meletakkan jawatan dan 38 orang pegawai telah dilepaskan dengan izin untuk berkhidmat dengan Badan-badan Berkanun/Kerajaan yang lain.

Dari jumlah 54 kes tatatertib yang dikemukakan kepada Lembaga Tatatertib, 35 orang daripadanya telah dithabitkan dengan beberapa kesalahan dan telah diberhentikan kerja.

LATIHAN

Bahagian Latihan Universiti Pertanian Malaysia sentiasa mengambil berat tentang kepentingan perkhidmatan bagi semua golongan pegawai di Universiti ini. Antara perkara-perkara penting dan berkesan dalam meninggikan mutu kerja dan prestasi pegawai-pegawai di Universiti ini ialah memberikan/menganjurkan latihan. Untuk meninggikan kelayakan akademik bagi

guru-guru dalam sesuatu bidang pengkhususan, seramai 64 orang tenaga pengajar telah melanjutkan pelajaran di peringkat Master, 32 orang lagi di peringkat Doktor Falsafah dan seramai 108 orang telah mengikuti kursus pendek di pelbagai bidang. Dalam tempoh 1982 hingga bulan Jun 1983, 23 orang tenaga pengajar telah menamatkan cuti belajar/kursus di peringkat Ph. D dan 34 orang lagi di peringkat Master.

Bahagian Latihan Universiti ini juga tidak melupakan pegawai-pegawai rendah di peringkat perkeranian dan teknik dalam memberi-

kan latihan-latihan bagi meninggikan daya pengeluaran dan meninggikan mutukerja mereka. Bahagian Latihan telah menganjurkan sebanyak 23 kursus/latihan pendek di Kampus Universiti Pertanian Malaysia sendiri. Di samping itu juga beberapa orang pegawai telah dihantar untuk mengikuti kursus-kursus pendek di INTAN, PDPN dan lain-lain Institusi-Institusi latihan dalam negeri.

Kenaikan Pangkat

Dalam tahun 1982/83 beberapa orang kakitangan telah dinaikkan pangkat.

Senarai Bilangan Jawatan Yang Dinaikkan Pangkat

| Dari Jawatan | Ke Jawatan | Jumlah Yang Dinaikkan Pangkat |
|----------------------------------|--|---|
| Pegawai Akademik | (Profesor Madya) (Pensyarah) | 4 30 |
| Lain-lain Pegawai Kategori A | (Penolong Bendahari) (Penolong Pendaftar) (Penolong Pustakawan) ((Penolong Pendaftar) | 1 4 (3 Memangku) 3 (Memangku) Tingkatan Kanan Penolong Pendaftar Tingkatan Kanan |
| Pegawai-pegawai Kumpulan C dan D | (Kerani) (Pembantu Makmal) ((Tukang Masak) (Pencuci) | 4 Pembantu Makmal Kanan Ketua Tukang Masak Ketua Pencuci |
| | | 6 (Memangku) 7 (2 Memangku) 3 (Memangku) |

HAL EHWAL PELAJAR

Kegiatan Pelajar

Kegiatan pelajar-pelajar di Universiti Pertanian Malaysia adalah disalurkan melalui persatuan masing-masing. Terdapat 24 buah persatuan pelajar yang telah didaftarkan termasuk Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia/Majlis Perwakilan Pelajar.

Persatuan Pelajar dibahagikan kepada 5 kategori, iaitu:

1. Persatuan Mahasiswa UPM
2. Persatuan Fakulti
3. Seni Mempertahankan Diri
4. Agama
5. Lain-lain

Bidang Kegiatan

Kegiatan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan adalah secara keseluruhannya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Seksyen 48 Akta A 295, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia (PMUPM) merupakan persatuan induk, yang mana pemilihan ahli-ahli majlis perwakilannya dibuat melalui sistem pilihan-raya. Kegiatan-kegiatan yang sering dijalankan seperti ceramah, forum, dialog, perbincangan, kursus, khemah kerja, projek kampung angkat, pameran, pertunjukan budaya, lawatan, pertandingan sukan dan penerbitan.

Setiap jawatankuasa persatuan fakulti yang telah dilantik akan merancang aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan sepanjang satu tahun tempoh perlantikan mereka. Ianya meliputi aktiviti seperti ceramah, seminar, forum, dialog, bahas, lawatan, pertunjukan, pameran, sukan dan penerbitan.

Keseluruhan aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan fakulti yang berkenaan adalah mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari Bahagian Halehwal Pelajar.

Persatuan-persatuan Agama merupakan persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang ada hubungannya dengan agama.

Persatuan Mahasiswa Islam (PMUPM) merupakan persatuan yang kedua penting selepas PMUPM. Semua aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah mendapat kerjasama dan nasihat dari Unit Bimbingan Agama Halehwal Pelajar dan pegawai-pegawai Halehwal Pelajar yang lain.

Persatuan-persatuan Agama lain juga bergerak di universiti ini. Kegiatan atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan sentiasa diawasi agar tidak terkeluar dari landasan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan agama ini mempunyai persamaan dengan persatuan-persatuan lain. Persatuan-persatuan agama dibenarkan menjalankan aktiviti untuk faedah ahli masing-masing.

Seni mempertahankan diri adalah sebahagian dari usaha mengekalkan tradisi seni budaya bangsa di kalangan para pelajar. Umumnya kegiatan-kegiatan yang dijalankan meliputi

latihan-latihan seni mempertahankan diri yang diadakan setiap minggu oleh persatuan-persatuan yang berkenaan seperti silat gayung dan tae kwan-do yang dijalankan dua kali seminggu:—

Biasiswa/Pinjaman

Bahagian ini memainkan peranan yang penting dalam usaha menampung keperluan perbelanjaan para pelajar sepanjang masa mereka menuntut di Universiti ini.

Walau bagaimanapun masih juga terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak menerima peruntukan biasiswa atau pinjaman sama ada tidak ditawarkan atau tidak memohon atau menggunakan perbelanjaan sendiri.

Unit Kebudayaan

Seperti biasa kegiatan-kegiatan kesenian/Kebudayaan bermula pada Minggu Suaikenal di mana pelajar-pelajar telah mempersembahkan "Sumbangsih Suaikenal".

Demonstrasi Seni Silat diadakan sebagai satu acara tahunan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan silat dengan kerjasama Bahagian Halehwal Pelajar.

Acara-acara kesenian/Kebudayaan telah dipersembahkan selama tiga hari sempena Pesta Konvokesyen. Antaranya ialah pertunjukan pentas seperti persembahan muzik, nyanyian, tarian dan drama serta tidak ketinggalan juga demonstrasi seni mempertahankan diri.

Selain dari itu, Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia (PMUPM) dan kumpulan pelajar dengan kerjasama Bahagian ini telah juga berjaya mengadakan "Malam Karyawan", persembahan drama "Sri Di Mana Kau?" dan pertunjukan tarian tradisional oleh kumpulan-kumpulan pelajar sempena lawatan sambil belajar ke California, Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

Unit Sukan

Kegiatan sukan pelajar dibahagikan kepada

kegiatan dalam kampus seperti sukan antara kolej kediaman, sukan minggu suaikenal, sukan konvokesyen dan lain-lain lagi. Kegiatan sukan juga melibatkan pertandingan-pertandingan di dalam dan luar kampus serta olahraga.

Kegiatan-kegiatan sukan yang telah dijalankan di sepanjang sesi 1982/83 adalah seperti berikut:

1. Sukan Minggu Suaikenal (31 Mei hingga 5 Jun 1982)
2. Sukan Persahabatan Antara Pelajar Baru Dengan Pelajar Lama (6 Jun hingga 15 Jun 1982)
3. Sukan Antara Blok Kolej-Kolej Kediaman (8 hingga 22 Jun 1982. Diadakan oleh semua kolej kediaman bagi memilih perwakilan kolej masing-masing)
4. Sukan Antara Kolej Kediaman (9 Ogos hingga 18 September 1982. 19 permainan dipertandingkan di antara 6 kolej kediaman)
5. Temasya Sukan Antara Pelajar Uni/IPT Malaysia 1982 (1 hingga 4 September 1982. Universiti Pertanian Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi temasya tersebut, dan telah berjaya menjadi Johan dalam permainan-permainan Bola Tampar (lelaki), Bola Tampar (Wanita) dan Bola Keranjang (lelaki)).
6. Temasya Sukan Antara Universiti ASEAN 1982 (8 hingga 14 November 1982. Temasya ini diadakan di Jakarta, Indonesia. Dua pegawai dan empat pelajar Universiti Pertanian Malaysia telah menyertai temasya tersebut. Cuma dua acara disertai iaitu bolasepak dan olahraga.)
7. Ragbi Piala Mobil (18 hingga 20 Februari 1983. Pasukan Universiti Pertanian Malaysia telah menyertai kejohanan tersebut, tetapi gagal mempertahankan kejuaraannya).

8. Olahraga Tahunan ke 4 (26 Februari 1983. Temasya ini di antara enam kolej kediaman dan Majlis Sukan UPM. 37 acara dipertandingkan dan 13 rekod baru telah diperolehi).

9. Malam Anugerah Lencana Sukan (10 Mac 1983. Malam penutup kegiatan sukan pelajar tahun 1982/83. 62 sijil sukan dan 38 lencana sukan telah disampaikan kepada ahli-ahli sukan UPM).

Pusat Kesihatan Pelajar

Di sepanjang tahun 1982/83 Pusat Kesihatan Pelajar memberi perkhidmatan kesihatan seperti tahun-tahun yang lampau dengan beberapa perkhidmatan tambahan. Dalam masa setahun ini dua orang Pegawai Perubatan meletakkan jawatan, tempat mereka digantikan oleh dua orang Pegawai Perubatan yang baru.

Dalam bulan Mei 1982 Pusat Kesihatan Pelajar memulakan perkhidmatan klinik pergigian. Klinik ini mempunyai seorang Pegawai Pergigian, seorang jururawat dan kakitangan-kakitangan am. Di masa yang sama juga Pusat Kesihatan Pelajar mendapat seorang lagi Pegawai Perubatan, menjadikan jumlah Pegawai Perubatan dua orang.

Dalam bulan Julai 1982 cawangan Klinik Perancang Keluarga bermula. Klinik ini dikendalikan oleh kakitangan-kakitangan dari Lembaga Perancang Keluarga, Pusat Kesihatan Pelajar hanya memberi kerjasama dengan memberi sebuah bilik berhampiran Klinik Pergigian, Klinik Perancang Keluarga ini terbuka kepada semua pelajar, kakitangan dan orang awam. Klinik ini, hanya dibuka seminggu sekali.

Selain dari fungsi-fungsi yang biasa dijalankan, Pusat Kesihatan Pelajar juga membuat "fogging" iaitu semburan menjauhkan nyamuk aedes, menghantar specimen untuk kajian makmal kebersihan makanan dan dapur asrama-asrama. Dari semasa ke semasa Pusat Kesihatan Pelajar menganjurkan derma darah.

Sebagaimana biasa kakitangan-kakitangan Klinik Universiti Pertanian Malaysia telah pergi berkursus di Hospital Besar Kuala Lumpur dan lain-lain tempat untuk mengikuti kemajuan-kemajuan dan ilmu-ilmu baru di bidang perubatan.

Unit Kaunseling dan Kerjaya

Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya yang ditubuhkan dalam Bahagian ini menyediakan pelbagai kemudahan yang boleh menolong pelajar-pelajar mencapai ke tahap potensi yang maksima dan juga untuk mewujudkan keadaan kesihatan mental yang baik di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Pertanian Malaysia.

Pelajar-pelajar yang ingin membincangkan mengenai diri dan rancangan-rancangan mereka boleh menemui kaunselor-kaunselor yang bersifat simpatik dan berkefahaman. Kaunselor yang terlatih secara profesional ada untuk berbincang dengan pelajar-pelajar secara kerahsiaan (confidentiality) dan secara objektif tentang masalah yang berupa pendidikan, akademik, vokasional, peribadi, emosi, mental, sosial dan kesihatan yang mana ada hubungan dengan pencapaian kejayaan atau sukses di universiti. Adalah menjadi tujuan utama Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya ini untuk membantu pelajar-pelajar bertumbuh dan berkembang dalam kefahaman diri supaya mereka mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi masakini dapat dijadikan petunjuk kepada penyelesaian masalah di masa-masa hadapan kelak.

Dalam hal kerjaya, kaunselor boleh membantu pelajar-pelajar dalam mendapatkan maklumat-maklumat kerjaya dan sesi-sesi temuduga diatur di kampus untuk pelajar-pelajar tahun akhir. Sesi kaunseling juga boleh dijalankan dalam bidang bimbingan kerjaya ini. Pelajar-pelajar digalakkan membongkar kebolehan diri mereka dan menggunakannya untuk tujuan kejayaan.

Unit Bimbingan Agama

Unit Bimbingan Agama di bawah Bahagian Halehwal Pelajar ditubuhkan pada tahun

1977 telah menyediakan beberapa kemudahan dan bertujuan antara lain untuk membawa dan membimbing para pelajar menjadi ahli akademik yang berjiwa Islam.

Untuk memenuhi dan mencapai tujuan tersebut Unit Bimbingan Agama telah dan akan menjalankan beberapa kegiatan yang dapat membantu para pelajar ke arah tujuan tersebut. Para pelajar yang ingin membincangkan masalah-masalah agama dan yang berhubungan dengannya boleh berbuat demikian dengan menemui pegawai-pegawai berkenaan di Bahagian Halehwal Pelajar untuk meminta nasihat dan bimbingan, dan segala perbincangan akan dibuat secara peribadi antara pegawai dan pelajar berkenaan.

Manakala program atau rancangan yang bersifat umum akan disediakan seperti seminar atas isu-isu yang menarik, ceramah-ceramah dari masa ke masa, dan kursus-kursus juga akan dijalankan. Kuliah Fardhu Ain secara mingguan juga dijalankan untuk membantu para pelajar memenuhi tuntutan Fardhu Ain.

Adalah menjadi tujuan utama unit ini untuk membantu pelajar ke arah memahami dan berjiwa agama.

PEMBANGUNAN

Perkembangan projek-projek pembangunan bagi penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal untuk keperluan akademik dan bukan akademik selaras dengan program-program akademik yang semakin meningkat, sebanyak 8 buah projek-projek bangunan baru telah berjaya disiapkan bagi tahun akademik 1982/83 dengan menelan belanja sebanyak \$44,258,684.07 (tempuh masa Jun 1982/Julai 1983). Jikalau dibandingkan dengan tahun sebelumnya perbelanjaan kali ini berkurangan hampir 15 juta ringgit kerana pertamanya semua projek-projek yang belum dimulakan adalah ditangguh oleh Perbendaharaan Malaysia memandangkan kemerosotan ekonomi (economic recession).

Bagi projek-projek yang sedang dijalankan pula semuanya adalah di dalam peringkat

penyiapan terakhir dengan menggunakan perbelanjaan yang lebih rendah kerana projek yang diizinkan ketika ini adalah terhad.

Projek-projek yang dibenarkan untuk penyediaan pelan dan lukisan-lukisan hingga ke peringkat dokumentasi tender adalah seperti berikut:

- 1) Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak.
- 2) Kompleks Gimnasium dan Kolam Renang
- 3) Pusat Islam
- 4) Bangunan Fakulti Pengajian Pendidikan
- 5) Unit Memproses Makanan
- 6) Bangunan Matematik

PENYELIDIKAN

Penyelidikan adalah satu daripada 3 objektif utama Universiti Pertanian Malaysia.

Projek Penyelidikan Tahun 1982/83

| Bil. | Fakulti | Jumlah Projek |
|------|--|---------------|
| 1. | Ekonomi Sumber dan Perniagaantani | 19 |
| 2. | Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan | 30 |
| 3. | Kejuruteraan Pertanian | 12 |
| 4. | Pengajian Pendidikan | 12 |
| 5. | Perhutanan | 11 |
| 6. | Perikanan dan Sains Samudra | 18 |
| 7. | Pertanian | 113 |
| 8. | Sains dan Pengajian Alam Sekitar | 42 |
| 9. | Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan | 9 |
| 10. | Kampus Cawangan Sarawak | 12 |
| 11. | Hidroponik | 1 |
| | JUMLAH | 279 |

Selaras dengan aspirasi kebangsaan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi negara melalui pembangunan teknologi, Universiti Pertanian Malaysia menekankan aktiviti-aktiviti penyelidikan kearah penyelesaian masalah. Penumpuan tenaga adalah ke arah penyelidikan-penyelidikan yang bersifat multi-disiplinari, kolaboratif dan penyelesaian masalah, asas dan guna, bagi tujuan mendapatkan kegunaan sumber yang optima dan menggalakkan pertukaran idea-idea.

Penyelidikan juga digalakkan bertujuan menguatkan pengajaran untuk mencapai mutu akademik yang tertinggi.

Pembiayaan Projek Penyelidikan

Selaras dengan Dasar Penyelidikan Universiti serta tema-tema penyelidikan yang telah ditetapkan, Jawatankuasa Penyelidikan telah membiayai sebanyak 279 projek penyelidikan bagi tahun 1982. Pecahan jumlah projek mengikut fakulti ialah:

Selain daripada proje-projek yang dibiayai oleh Universiti ini, beberapa projek penyelidikan juga telah dijalankan atas bantuan luar. Badan-badan utama yang membiayai penyelidikan-penyelidikan ini termasuklah IFS, FAO, IDRC, UNESCO, UNFPA – daripada luar negeri. Badan-badan pembiayaan daripada dalam negeri pula termasuklah Jabatan

Pertanian, FIMA, KEMAS, RISDA, DUNLOP, BAYER dan lain-lain lagi.

BENDAHARI

Bendahari

Encik A'amir Nordin bin Mohd. Ariffin
B. Com., C.A.

Kakitangan

Jumlah Kakitangan

| Bahagian/Unit | Kat A | Kat B | Kat C | Kat D |
|----------------|-------|-------|-------|-------|
| Am | 2 | — | 2 | 7 |
| Pembayaran | 3 | — | 14 | 4 |
| Pembelian | 1 | 1 | 5 | 3 |
| Gaji | 1 | — | 9 | 2 |
| Tabung Pelajar | 1 | 1 | 5 | 2 |
| Akaun & Rekod | 1 | 5 | 15 | 14 |
| Harta Benda | 4 | 1 | 8 | 15 |
| Jumlah | 13 | 8 | 58 | 47 |
| Jumlah Besar | | | | 116 |

Perlantikan Baru

Mariam bt. Salleh dilantik sebagai Pegawai Kerja Akaun mulai 14hb. Jun 1982.

Norlian Bt. Ismail dilantik sebagai Pegawai Kerja Akaun mulai 14hb. Jun 1982.

Ahmad bin Ismail dilantik sebagai Pegawai Tadbir Kewangan mulai 1hb. Oktober 1983.

Normala bt. Osman dilantik sebagai Pelolong Pegawai Tadbir mulai 1hb. September 1983.

Kenaikan Pangkat

Encik Yusof bin Semahil telah dilantik ke jawatan Timbalan Bendahari mulai 1hb. Januari 1982.

Puan Noormah bt. Haji Mohamed telah dilantik ke jawatan Penolong Bendahari Kanan mulai 1hb. Februari 1982.

Puan Amelia Gaik dan Puan Lee Yee Fong, Pegawai Tadbir Kewangan telah dilantik ke jawatan Penolong Bendahari mulai 1hb. Januari 1982.

Perletakan Jawatan;

Azida bt. Abdul Aziz, Pegawai Kerja Akaun meletakkan jawatan pada 1hb. Januari 1983.

Mahizah bt. Hashim, Pegawai Kerja Akaun meletakkan jawatan pada 14hb. Jun 1982.

Cuti Belajar

Puan Noormah bt. Haji Mohamed, Penolong Bendahari Kanan, telah mengikuti kursus "Management Development Program" mulai 10hb. Januari hingga 4hb. Mac 1983 di Asian Institute of Management, Philippines.

Kursus

Yusof bin Semahil mengikuti Seminar Evaluating and Negotiating Construction Claims pada 6hb. hingga 7hb. Oktober 1982 di Singapura.

Yusof bin Semahil mengikuti Seminar Construction Cost Estimating and Bidding mulai pada 25hb. hingga 26hb. Ogos 1982 di Singapura.

Yusof bin Semahil dan Ir. Kuik Hang Nie mengikuti Kursus Managing Construction Projects mulai pada 9hb. hingga 10hb. Jun 1982 di Singapura.

Hamid bin Othman, Pegawai Tadbir Kewangan, mengikuti kursus Pengurusan Pembelian Kon-

trak dan Bekalan Sektor Awam pada 23hb. Ogos hingga 19hb. September 1982 di Institut Tadbiran Awam Negara.

Rohani bt. Abdul Latiff, Pegawai Tadbir Kewangan, mengikuti Kursus Proses Belanja-wan mulai pada 29hb. November hingga 18hb. Disember 1982 di Institut Tadbiran Awam Negara.

Mohd. Shawal bin Haji Ibrahim, Pegawai Tadbir Kewangan, telah memulakan kursus Diploma Sains Pengurusan yang diadakan di INTAN mulai 1hb. Mac 1983 dan akan tamat pada 31hb. Januari 1984. Beliau juga telah menghadiri Kursus Computer Language MAPPER yang dianjurkan oleh Pernas Trading, Pembekal Komputer Induk UPM, di Pejabat Petronas mulai pada 26hb. Julai hingga 30hb. Julai 1982.

Hamsiah bte. Alias, Pegawai Kerja Akaun, mengikuti Kursus The Role of Internal Auditors mulai pada 29hb. Januari hingga 5hb. Februari 1983 di Jabatan Akauntan Negara.

Rokiah bt. Rejab, Pegawai Kerja Akaun, mengikuti Kursus EDP Audit and Control of EDP Systems mulai pada 7hb. Februari hingga 12hb. Februari 1983 di Jabatan Akauntan Negara.

Norlian bt. Ismail, Pegawai Kerja Akaun, telah mengikuti Kursus MAPPER mulai pada 26hb. hingga 30hb. Julai 1982 di Pejabat Petronas.

FAKULTI PERTANIAN

DEKAN

Dr. Mohd. Khalid bin Mohd. Nor, Dip. Agric. (Malaya), B.S. (Louisiana State), M.S. (Louisiana State), Ph. D. (Cornell).

PENDAHULUAN

Unit Hidroponik di Kampus Serdang siap dan dikomisionkan pada 1 September 1982 mana-

KAKITANGAN

Jumlah Kakitangan:

| Jabatan | Kategori A | Kategori B | Kategori C | Kategori D |
|-------------------------------|------------|------------|------------|------------|
| Pejabat Dekan | 1 | — | 5 | 6 |
| Agronomi dan Kulturakebunan | 40 | 2 | 27 | 13 |
| Perlindungan Tumbuhan | 25 | 1 | 17 | 11 |
| Pengajian Pembangunan Manusia | 31 | — | 10 | 11 |
| Sains Tanah | 32 | 1 | 27 | 22 |
| JUMLAH | 129 | 4 | 86 | 63 |
| JUMLAH BESAR | | | | 282 |

Perlantikan Baru:

Naimah bte. Mohd. Salleh telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia pada 5 Jun 1982.

Goh Kah Joo telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Sains Tanah pada 7 Jun 1982.

Dr. Kamaruzaman bin Sijam telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Perlindungan Tumbuhan pada 31 Julai 1982.

Mustakim Suratman telah dilantik sebagai Pembantu Pertanian di Jabatan Sains Tanah pada 10 Ogos 1982.

kala Unit Hidroponik di Genting Highlands pada 18 September 1982. Unit di Serdang telah dilawati oleh DYMM Timbalan Yang DiPertuan Agong sebagai satu daripada aturcara di dalam lawatan rasmi Baginda ke Kampus ini.

Zakaria bin Sidek telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Perlindungan Tumbuhan pada 20 Ogos 1982.

Mihdzar bin Abdul Kadir telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 1 September 1982.

Zailina bte. Hashim telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia pada 15 September 1982.

Azmi bin Abdul Rashid telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan

pada 1 Oktober 1982.

Mohamed Hanafi bin Musa telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Sains Tanah pada 4 Oktober 1982.

Nor Azam bin Shuib telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 1 November 1982.

Dr. Sulaiman bin Hanapi telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Perlindungan Tumbuhan pada 1 November 1982.

Mahmud bin Tengku Muda Mohamed telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 1 Disember 1982.

Tengku Aizan bte. Tengku Abdul Hamid telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia pada 16 Februari 1983.

Noraidah bte. Abdul Rahman telah dilantik sebagai Guru Tadika di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia pada 7 Mac 1983.

Nordin bin Abdul Rahman telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan pada 4 Mei 1983.

Kenaikan Pangkat

Dr. Wan Chee Keong, Wan Zainun bte. Haji Wan Nik dan Zulkifli bin Haji Shamsuddin telah dinaikkan pangkat dari pensyarah ke Profesor Madya mulai 1 Jun 1982.

Perletakan jawatan

Profesor I.C. Enoch, Profesor di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan telah menamatkan kontrak beliau dengan Universiti Pertanian Malaysia pada 1 Jun 1982.

Ahmad Ihsan, Pembantu Pertanian di Jabatan Sains Tanah telah meletakkan jawatan pada 19 Jun 1982.

Shahril bin A. Rashid, Pembantu Teknik di Jabatan Sains Tanah telah meletakkan jawatan

pada 1 Oktober 1982.

Cuti Belajar

Yusof bin Ibrahim, pensyarah di Jabatan Perlindungan Tumbuhan telah bercuti belajar selama 3 tahun mulai Ogos 1982 hingga Julai 1985 di University of Missouri, Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ph. D. dalam bidang Entomologi.

Inon bte. Sulaiman telah bercuti belajar di University of Sydney mulai 1 November 1982 hingga 30 Oktober 1985, untuk program Ph. D. dalam bidang Virologi.

Radziah bte. Othman telah mengikuti kursus M.S. di North Carolina State University mulai 18 Ogos 1982 hingga 17 Ogos 1984 dalam bidang Sains Tanah.

Laily bte. Haji Paim mengikuti kursus M.S. di Indiana State University, Amerika Syarikat mulai 25 Ogos 1982 hingga 24 Ogos 1984 dalam bidang Family Economics and Home Management.

Mohd. Ridzwan bin Abdul Halim, pensyarah di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan mengikuti kursus Ph. D. di Iowa State University, Amerika Syarikat mulai 15 Disember 1982 hingga 14 Disember 1985 dalam bidang Fisiologi dan Pengeluaran Tanaman.

PERKARA-PERKARA AKADEMIK

Pemeriksa Luar

Tiga orang pemeriksa luar telah didatangkan ke Fakulti ini untuk memeriksa bidang-bidang tertentu dalam program-program di Fakulti ini seperti di bawah:—

Prof. Irene Beavers dari Iowa State University untuk program Bachelor Sains (Pembangunan Manusia);

Profesor F.D. Whisler dari Mississippi State University, Amerika Syarikat untuk program Bachelor Sains Pertanian khususnya dalam bidang Sains Tanah; dan

Profesor R. Bruce dari Cornell State University untuk program Bachelor Sains Pertanian khususnya bidang Pengembangan.

Ijazah Lanjutan

Seramai enam orang calon Sarjana dan enam orang calon Kedoktoran baru telah mendaftarkan diri untuk mengikuti program masing-masing di Fakultas ini bagi sesi 1982/83. Mereka yang berkenaan ialah:—

Program M. Agr. Sc.

Azmi bin Man yang menjalankan projek bertajuk 'Kawalan rumpai ke atas tanaman jangka pendek' secara penuhmasa di bawah penyeliaan Dr. Lim Eng Siong dan Encik Sabudin bin Mohd. Ali di Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan;

Chang Ah Kow yang menjalankan projek bertajuk 'Nutritional conditions under which growth and yields of rubber may be maximised' secara separuhmasa di bawah penyeliaan Encik Sharifuddin bin Haji Abdul Hamid.

Luz G. Chan yang menjalankan projek di bawah penyeliaan Dr. Lim Tong Kwee bertajuk 'The significance of Phytophthora isolates on disease development of cocoa secara penuhmasa.

Chieu Shing Bin yang menjalankan projek bertajuk 'Studies on the ecology of *Elaeidobius kamerunicus*' di bawah penyeliaan Dr. Khoo Khay Chong secara penuhmasa.

Muhamad bin Harun yang menjalankan projek bertajuk 'Mengkaji kesediaan dan pengambilan baja Nitrogen oleh pokok padi yang ditanam dalam sistem/corak tanaman padi kekacang' di bawah penyeliaan Dr. Othman Yaacob secara penuhmasa.

Encik Nadarajah a/l Dorairaju yang menjalankan projek bertajuk 'Pre-emergent herbicidal trials in groundnuts' di bawah penyeliaan Dr. Lim Eng Siong secara penuhmasa.

Program Ph. D.

Bastiah bte. Ahmad yang menjalankan projek bertajuk 'Study on the physiology of interstock plants in *Hevea* secara separuhmasa di bawah penyeliaan Profesor Mohd. Zain bin Karim.

Lim Jit Sai yang menjalankan projek bertajuk 'Genesis, classification and evaluation of the soils of the MADA and KEDA Regions' di bawah penyeliaan Dr. S. Paramanathan secara separuhmasa.

Md. Abdul Hai Majumder yang menjalankan projek 'Effects of effluents on the physico-chemical properties of soil under rubber and performance of rubber' di bawah penyeliaan Dr. Wan Sulaiman bin Wan Harun secara penuhmasa.

Haji Mohd. Noh bin Haji Jalil yang menjalankan projek 'Kajian fisiologi ke atas sistem akar tanaman koko' di bawah penyeliaan Dr. Raja Muhammad bin Raja Harun secara separuhmasa.

Tajuddin bin Ismail yang menjalankan projek 'Potassium and magnesium nutrition of young *Hevea brasiliensis* and related legume cover crops and their inter relationships' di bawah penyeliaan Dr. Othman Yaacob dari Jabatan Sains Tanah dan Dr. E. Pushpurajah dari Institut Penyelidikan Getah Malaysia secara penuhmasa.

Wong Lock Jam yang menjalankan projek 'Genetic and related studies of *Stavia rabaudiana*' di bawah penyeliaan Dr. Yap Thoo Chai secara separuhmasa.

Sementara itu tiga orang telah berjaya menamatkan program masing-masing. Mereka yang berkenaan ialah:—

Nuraini bte. Ibrahim yang telah dianugerahkan dengan ijazah M. Agr. Sc. bagi tesis yang bertajuk "Studies on the relative merits of popular commercial orchid hybrids and their clonal derivatives" di bawah penyeliaan Dr. Mohammad bin Md. Ali.

Ramlah bte. Mohamad yang telah dianugerahkan dengan ijazah M. Agr. Sc. bagi tesis yang bertajuk 'Effects of Micronutrients (B, Cu, Fe, Mn, Mo, Zn) on plant performance and yield of pineapple cvs Mauritius and Masmerah planted on Malaysian Virgin Peat Soils" di bawah penyeliaan Dr. Mohammad bin Md. Ali dan Dr. Alias bin Husin.

